



SRIKANDI TUN FATIMAH TINTA SRIKANDI






















MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 36

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Bekas Pelajar-pelajar Sekolah Tun Fatimah Johor Bahru kali ke 36 telah berlangsung di Rumah Kelab PAUM pada 23 September 2023 jam 10 -12 tengah hari. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Penaung Diraja Srikandi, YAM Paduka Puteri Tunku Muna Najiah Almarhum Sultan Iskandar.

Mesyuarat kali ini melibatkan pelantikan ahli-ahli EXCO yang baharu. Barisan EXCO Srikandi sesi 2021-2023 dengan rasminya meletakkan jawatan masing-masing.



EXCO SRIKANDI 2023/2025

 AM Paduka Puteri Tunku Muna Najiah Almarhum Sultan Iskandar Penaung Diraja	 Datin Zainon Sekor SK79 Presiden	 Noor Aziza Sulaiman SK91 Setiausaha I	 Nur Bahijah SK78 Nah Presiden I	 Nur Anizza Nasron SK81 Setiausaha II	 Lt. Kol. Ezalina Arifin SK90 Nah Presiden II	 Farhana Hanum Mustafa SK04 Bendahari	 Suzilani Mat Saad, SK89 Merchandise	 Faezah Ajah, SK02 Projek	 Wan Kamelia, SK98 Sukan & Rekreasi	 Nur Asyiqi Abdullah, SK88 Hubungan Luar (SBP)	 Aida Johadi, SK02 Kebudayaan & Kreatif	 Nordyana C Mardin, SK Sukan & Rekreasi	 Yati Yasin, SK88 Hubungan Luar (STF)	 Habibah Baharudin, SK85 Seniors	 Anis Saleha, SK87 Jurauddi Dalam	 Laila Mohd, SK91 Kebajikan & Keagamaan	 Dr. Farrah Shafeera, SK00 Komunikasi	 Shi'aratul Akmar, SK Jurauddi Dalam
--	--	--	--	---	---	--	---	--	--	---	--	--	--	---	--	--	--	---

BARISAN EXCO SRIKANDI TUN FATIMAH SESI 2023-2025

Barisan EXCO Srikandi sesi 2023-2025 telah dipilih secara undian semasa Mesyuarat Agung Tahunan Ke 36. Senarai penyandang jawatan tertera pada carta organisasi di atas.

Gabungan muka-muka lama dan baharu untuk sesi kali ini diharapkan akan lebih memantapkan perjalanan operasi dan aktiviti-aktiviti Srikandi. Mesyuarat EXCO Srikandi sesi 2023-2025 yang pertama telah diadakan sesuai pelantikan.

Dari Meja Presiden



Bismillahirrahmaanirrahiim.

Alhamdulillah kini Tinta Srikandi menemui para pembaca. Ini ialah keluaran pertama bagi sesi 2023-2025. Insyallah majalah ini akan dikeluarkan pada setiap suku tahun dan akan memuatkan rangkuman berita berkaitan kegiatan-kegiatan Srikandi.

Tahniah diucapkan kepada Biro Komunikasi EXCO Srikandi yang diketuai SK91 Noor Aziza Sulaiman atas terlahirnya majalah Tinta Srikandi ini.

Adalah menjadi harapan saya agar majalah ini dapat membantu semua ahli Srikandi untuk jadi lebih peka dengan aktiviti dan program yang dijalankan oleh Srikandi.

Isi Kandungan



Dari meja Presiden	2
Isi kandungan	2
Bicara mantan	3
Sekitar AGM ke-36	5
Majlis Makan Malam PSAJ	6
Majlis Jalinan Kasih	9
Kolokium Kecemerlangan	
Murid Projek Khas SBP 2023	10
Kebajikan	11
srikandiactiv	13
srikandidagang	17

Bicara Mantan



Datin Aishah Yeop Abdul Rahman telah memegang jawatan Presiden Srikandi bagi dua sesi berturut-turut iaitu 2019-2021 dan 2021-2023. Ikuti temubual ringkas Tinta Srikandi (TS) dengan Datin Aishah (DA) yang dirakamkan pada 5 Januari 2024.

TS: Assalamualaikum Datin Aishah. Apa khabar sekarang? Terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah pada hari ini.

DA: Waalaikumsalamwarahmatullahi wabarakatuh. Saya sihat, Alhamdulillah .

TS: Bila orang sebut Srikandi, apakah gambaran pertama yang akan muncul dalam fikiran Datin Aishah?

DA: Sekolah Tun Fatimah. Terus teringat kawan-kawan di zaman sekolah dulu dan semangat srikandi – *sisterhood*. Walaupun belum tahu orang yang kita jumpa tu ialah seorang Srikandi, kita dah dapat rasa mesra.

TS: Bolehkah Datin Aishah kongsi dengan kami apakah perkara paling manis yang berlaku sepanjang menjadi Presiden Srikandi?

DA: Sebenarnya ada banyak tapi yang paling manis ialah peluang bekerjasama dengan STF/PIBG dan pejabat Menteri Besar Johor untuk Program Sekolah Aspirasi Johor (PSAJ). Satu lagi ialah bila kita bekerjasama dengan alumni SBP lain iaitu STAR dan SDAR untuk program Pengkisahan 3 SBP anjuran Arkib Negara Malaysia.

TS: Bolehkah Datin Aishah kongsi cabaran paling besar yang dihadapi semasa menjadi Presiden Srikandi?

DA: Cabaran yang betul-betul buat saya rasa terkesan ialah bila dapat tahu ada segelintir Srikandi *super seniors* yang hidup terumbang-ambing. Oleh itu kita telah menubuhkan tabung TAKWA bagi membantu Srikandi yang menghadapi kesukaran hidup dan musibah.

TS: Pada pendapat Datin Aishah, apakah peranan yang lebih besar yang boleh dimainkan oleh Srikandi?

DA: Saya berpegang pada motto Srikandi jaga Srikandi. Ada banyak yang kita boleh bantu ahli-ahli Srikandi yang dalam kesusahan terutama *seniors* yang sudah tiada sumber kewangan. Buat masa ini Srikandi menyalurkan bantuan melalui tabung TAKWA yang bergantung pada kutipan daripada ahli-ahli. Sebab itu saya bercita-cita untuk menubuhkan satu yayasan yang layak menerima geran daripada kerajaan, jadi lebih ramai yang boleh dibantu.

TS: Memandangkan Datin Aishah ialah seorang usahawan, apakah nasihat atau tip yang boleh dikongsi dengan ahli-ahli Srikandi yang berminat untuk mula berniaga?

DA: Jika hendak berniaga kena mula awal sementara masih bertenaga. Kita tak perlu malu sebab ini sunnah Rasulullah S.A.W. Rezeki itu 9/10 datangnya daripada perniagaan. Jangan bimbang, teruskan usaha dan paling penting, mestilah jaga agama. Zakat jangan lupa dan solat jangan tinggalkan.

Bicara Mantan



TS: Boleh berikan sepatah dua kata atau pesanan buat para pembaca Tinta Srikandi?

DA: Saya harap kalau boleh semua bekas pelajar mesti mendaftar jadi ahli sebab bila kita ramai, lebih banyak dana boleh dikumpul dan lebih ramai Srikandi yang boleh kita bantu. Kita juga boleh menikmati semua aktiviti yang telah dirancang. Kepada semua alumni, janganlah fikir apa yang Srikandi boleh beri kepada kita. Fikirkan apa yang kita boleh berikan kepada *alma mater* kita dan Srikandi yang lain.

TS: Setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan atas kesudian Datin Aishah menjawab soalan-soalan daripada Tinta Srikandi. Kami doakan Datin Aishah sentiasa diberi rahmat kesihatan yang baik dan rezeki yang melimpah ruah serta kejayaan dalam segala bidang perniagaan yang diceburi.

DA: Terima kasih kepada semua ahli Srikandi yang memberikan saya kepercayaan untuk menerajui persatuan yang kita sayangi ini untuk dua penggal berturut-turut. Saya ingin menyusun sepuluh jari seandainya terdapat kekurangan di mana-mana. Saya harap presiden dan barisan EXCO sekarang akan terus melakukan yang terbaik untuk alumni kita dengan pencapaian yang lebih cemerlang. Semoga Srikandi akan terus jadi persatuan alumni yang menyerlah.



Sekitar AGM ke 36



Atas, kiri: Ucapan perasmian oleh Penaung Diraja. **Atas, kanan:** Bergambar santai selepas perasmian. **Bawah:** Ahli-ahli Srikandi yang hadir



Atas: Wajah-wajah serius ahli-ahli Srikandi sebelum mesyuarat bermula
Bawah: Barisan EXCO Srikandi sesi 2023-2025 selepas pelantikan

Majlis Makan Malam PSAJ

Program Sekolah Aspirasi Johor (PSAJ) merupakan ilham dan hasrat Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz bin Ghazi bagi mewujudkan sekolah 'Contoh' yang menerapkan keperibadian negeri Johor daripada sudut mutu murid, mutu guru, kepimpinan dan persekitaran pembelajaran.

Sekolah Tun Fatimah (STF) telah dipilih sebagai sebahagian Program Sekolah Aspirasi Johor (PSAJ) yang bermula dari Februari hingga Ogos 2023.

Tujuan utama PSAJ ini ialah untuk membantu proses-proses pemulihan dan penambahbaikan sebahagian prasarana sekolah bagi mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Srikandi dengan kerjasama pihak Sekolah Tun Fatimah dan PIBG menganjurkan Program Sejuta Inspirasi STF Nombor 1 yang bertujuan untuk mengutip sumbangan yang diperlukan dalam usaha membantu sekolah menampung segala pembelanjaan yang diperlukan bagi membangunkan serta memantapkan lagi kemudahan asas dan kemajuan teknologi supaya dapat dinikmati oleh semua murid dan guru. Target program ini ialah untuk mengumpul dana sebanyak RM1 juta untuk tujuan tersebut.

Srikandi terlibat menjayakan program ini bersama-sama dengan STF, PIBG, JPN, YPJ SUKJ dan juga Pejabat Menteri Besar. Pasukan Srikandi diketuai Datin Zainon Sekor dan disokong oleh SK78 Nor Bahiyah Abdul Manaf, SK81 Nur Anisza, SK91 Noor Aziza dan SK04 Farhana Hanum. SK04 Khazliqah Nordin dan SK04 Nurul Halimatul Saadiah Ali banyak membantu urusan-urusan di Johor Bahru.

Selepas beberapa siri mesyuarat diadakan di Kuala Lumpur dan Johor Bahru serta sembah maklum kepada Penaung Diraja YAM Paduka Puteri Tunku Muna Najiah dan Penasihat Diraja YAM Tunku Mariam pasukan Srikandi telah mendapatkan permit kutipan derma daripada IPD Johor Selatan. Sepanjang bulan Jun dan Julai 2023, proses mendapatkan penyumbang giat dijalankan.



Majlis Makan Malam PSAJ



Pada 25hb Ogos 2023 majlis makan malam sempena meraikan penyumbang-penyumbang untuk PSAJ telah diadakan di Hotel Thistle, Johor Bahru. Ramai Srikandi yang telah memberi sumbangan daripada segi tajaan dan tenaga bagi menjayakan majlis makan malam ini. SK91 Haliza Rashidi telah menguruskan persembahan Srikandi Tari yang memeriahkan acara ini. Kami juga mendapat tajaan 'door gift' yang sangat istimewa daripada L'occitane Malaysia yang diuruskan oleh SK97 Sharina Ros Kamal.

Selain daripada menaja meja-meja, Srikandi-srikandi yang budiman juga menaja *Program Book* majlis ini. Mereka adalah SK79 Datin Aishah Yeop Abdul Rahman (Hati Lurus Sdn. Bhd.), SK79 Noor Azimah (Eralab), SK83 Mumtazah Mustajab (Mumtazah Architect), SK97 Akmal Ibrahim (GLAM), SK03 Wajie Ibrahim, SK03 Adhil (Adhil Architect), SK77 Datin Sri Hamidah Osman (Nuvee), S83 Noryati Mohd Noor (Homebaker@Clover), SK93 Norleen Mohid (Telekung Amanyna), Datin Fauziah Jamaluddin dari KPJ dan Koperasi Srikandi Alumni STF.



Majlis Makan Malam PSAJ



Majlis makan malam ini yang bertemakan songket telah berlangsung dengan meriah dan penuh warna-warni. Seri majlis ditambahkan lagi oleh persembahan oleh Srikandi Tari, adik-adik daripada kumpulan pancaragam STF, pasukan koir STF, pasukan gamelan STF dan dua orang penyanyi dari STF. Artis jemputan pada malam tersebut, Haziq mendendangkan lagu-lagu Melayu asli bersesuaian dengan tema songket ternyata begitu membuai dan menghiburkan semua yang hadir.

Jumlah dana terkumpul untuk PSAJ pada 25hb Ogos 2023 ialah sebanyak RM1,476,005. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang telah berusaha keras dan menggembleng tenaga untuk mencapai target tersebut.



Majlis Jalinan Kasih

Pada 4hb November 2023 telah berlangsung Majlis Jalinan Kasih di Arina Skyview Kuala Lumpur. Majlis ini mengumpulkan wakil-wakil batch, mantan-mantan presiden dan barisan EXCO Srikandi bagi sesi 2021-2023 dan sesi 2023-2025.

Majlis yang berlangsung dalam suasana santai ini telah dirasmikan oleh Penaung Diraja Srikandi, YAM Paduka Puteri Tunku Muna Najiah Almarhum Sultan Iskandar.

Tujuan utama majlis ini ialah untuk memperkenalkan ahli-ahli EXCO yang baharu kepada wakil-wakil batch. Disamping itu kesempatan ini digunakan untuk meraikan dan menghargai budi dan jasa yang telah ditaburkan oleh ahli-ahli EXCO Srikandi sesi 2021-2023.

Ahli-ahli EXCO yang merupakan ketua-ketua biro telah membentangkan perancangan aktiviti Srikandi bagi tahun 2024.



Ketua-ketua biro yang telah dilantik ialah SK91 Noor Aziza (Biro Komunikasi), SK81 Nur Anisza (Biro Kebudayaan dan Kreatif), SK98 Wan Kamelia (Biro Sukan dan Rekreasi), SK91 Laila Mehat (Biro Kebajikan dan Keagamaan) dan SK04 Farhana Hanum (Merchandise).

Adalah diharapkan wakil-wakil batch akan memainkan peranan dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang telah dirangka untuk tahun 2024. Kejayaan-kejayaan aktiviti Srikandi sebelum ini juga banyak dibantu oleh wakil-wakil batch yang sukarela menyumbangkan buah fikiran, masa dan tenaga dalam memastikan setiap acara berjalan lancar.



Kolokium Kecemerlangan Murid Projek Khas SBP 2023

Kolokium kecemerlangan ini ialah anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia dan Srikandi Tun Fatimah telah terlibat dengan aktif sejak tahun 2013. Antara objektif utama kolokium kecemerlangan ini ialah untuk meningkatkan *self esteem* murid-murid yang datang daripada keluarga yang mempunyai pendapatan di bawah garis kemiskinan agar mereka lebih berdaya saing.



Selain daripada itu program ini juga bertujuan meningkatkan keyakinan diri dan motivasi Murid Projek Khas agar menjadi insan yang cemerlang dalam bidang akademik, kokurikulum, kepimpinan, sahsiah dan kerjaya di masa hadapan.

Empat orang Srikandi telah sukarela menjadi fasilitator untuk kolokium kecemerlangan tahun ini iaitu Nur Anisza, Anis, Dr. Farrah Shafeera dan Nur Fitriah. Pada 30hb September 2023 mereka telah menghadiri latihan Train The Facilitators di Sekolah Menengah Sains Selangor. Mereka kemudiannya bertugas sebagai fasilitator semasa aktiviti kolokium kecemerlangan yang diadakan pada Rabu, 25hb Oktober 2023.

Pada sebelah malamnya, telah diadakan Majlis Makan Malam dan Bicara Bersama Tokoh bersama-sama peserta-peserta kolokium kecemerlangan. Presiden Srikandi, Datin Zainon dan beberapa lagi EXCO serta para fasilitator turut hadir dalam majlis ini.



Kebajikan

TAKWA

Pada 18hb Julai 2023 pihak EXCO Srikandi mendapat perkhabaran bahawa rumah kediaman SK71 Azmah Sulaiman di Gombak berada dalam keadaan yang tidak selamat diduduki.

Wakil Biro Kebajikan Srikandi telah mengadakan lawatan pada 20hb Julai 2023 dan mendapati rumah tersebut hampir roboh.

Satu kutipan derma kilat telah dilancarkan selama seminggu bagi mengumpul dana untuk membina sebuah rumah baharu buat SK71 Azmah Sulaiman.

Pada 22hb Ogos 2023 pembinaan rumah baharu tersebut telah bermula dan berjaya disiapkan pada akhir September 2023.

Pada 13hb Disember 2023 satu majlis kesyukuran dan bacaan Yasin telah diadakan di kediaman baharu SK71 Azmah Sulaiman. Presiden Srikandi, Datin Zainon Sekor, mantan Presiden Srikandi, Datin Aishah Yeop Abdul Rahman, ahli-ahli EXCO dan ahli-ahli Srikandi telah hadir untuk meraikan majlis tersebut.



Meet & Greet Ketua Hakim Negara

Seramai enam orang wakil Srikandi telah menghadiri satu acara yang dianjurkan oleh Gabungan Persatuan Alumni Sekolah Berasrama Penuh Malaysia (GPASBP) di Istana Kehakiman Putrajaya.

Acara yang diadakan pada 20 Disember 2023 ini ialah *Meet & Greet* Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun Binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara. Wakil-wakil daripada persatuan-persatuan alumni lain juga turut serta menjadikan jumlah kehadiran seramai 80 orang.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah lawatan ke mahkamah terbuka dan muzium kehakiman. Selepas itu sesi *Meet & Greet* bersama Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara diadakan di Dewan Persidangan Istana Kehakiman, Putrajaya. Hadirin kemudiannya menikmati minum petang di Dewan Bankuet.



BOLA TAMPAR



Pasukan Bola Tampar Srikandi telah menyertai pertandingan Piala Presiden EXSAS 2023. Pertandingan ini ialah acara tahunan yang dianjurkan oleh EXSAS (persatuan alumni SEMSAS). Selain daripada itu Srikandi turut menyertai Inter Alumni Volleyball Tournament 2023 (tempat ke 6) dan Volleython Malaysia Day (tempat pertama)



BOLING

Pada tahun 2023 pasukan boling Srikandi aktif menyertai perlawanan-perlawanan dalam Liga Boling SBP 2023/2024 anjuran bersama MCOBA dan ASAS. Liga ini bermula pada 7 Oktober 2023 dan dijangkakan akan tamat pada 18 May 2024.

Perlawanan diadakan setiap dua minggu. Buat masa ini pasukan Srikandi berada di tangga terakhir liga. Diharapkan lebih ramai pemain-pemain hebat Srikandi akan tampil sebagai wakil untuk mengejar kedudukan teratas.

Srikandi juga sentiasa menghantar wakil ke acara wajib iaitu Pertandingan Boling Inter-Alumni anjuran TKCOGA saban tahun. Pertandingan tahun lepas diadakan di Sunway Pyramid pada 31 Julai 2023.



BOLA KERANJANG

Pasukan Bola Keranjang Srikandi berjaya menewaskan pasukan OGA KUDOS AS (alumni Kolej Tunku Kurshiah) dalam perlawanan akhir Liga SBP 2023 yang berlangsung di Stadium MABA pada 9hb Disember 2023.

Pertandingan Liga Bola Keranjang ini dianjurkan oleh Hoophood Basketball. Pasukan-pasukan lain yang bertanding ialah alumni SMS Pasir Putih, alumni SMS Hulu Selangor dan alumni Kolej Tunku Kurshiah.

Liga ini telah berlangsung dari bulan Oktober hingga Disember 2023. Latihan dijalankan setiap Jumaat di SJKC Kwong Hon, Sg. Besi. Pasukan Srikandi dibimbing oleh jurulatih Muhamad Taufiq Fiqri (Certified Coaching MABA Level 1).



Pasukan Srikandi telah memenangi setiap perlawanan sepanjang liga ini berlangsung.

Penyokong-penyokong pasukan Srikandi hadir saban minggu untuk meniupkan semangat kepada para pemain. Dalam perlawanan akhir menentang pasukan alumni Kolej Tunku Kurshiah, pasukan Srikandi telah bertungkus lumus memastikan kemenangan 43 berbalas 25. Ini telah menobatkan Srikandi sebagai juara kategori wanita bagi sukan bola keranjang Liga SBP tahun 2023. Syabas diucapkan.



SRIKANDI RUNNERS

MDEC Bungwak Run 2023



Srikandi Runners telah menerima jemputan untuk menyertai MDEC Bungwak Run 2023 bersempena MCOBA Old Boys Weekend di MCKK, Kuala Kangsar pada 6hb Ogos 2023. Srikandi Runners diwakili oleh dua pasukan iaitu Srikandi Runners A (SK89 Yusniza Yusof, SK04 Awatif Adilah dan SK06 Siti Farah) dan Srikandi Runners B (SK14 Madznah Abdul Majid, SK14 Anis Najihah dan SK14 Nur Faezah Syahirah).

Srikandi Runners memenangi Pelari Wanita Terbaik (hadiah RM250), Tempat Ketiga Wanita (hadiah RM500) dan Tempat Pertama Wanita (hadiah RM1,500).



SRIKANDI RUNNERS

RUNLIGA Malaysia Challenge 2023

Bermula tahun 2022 Srikandi Runners telah menyertai acara larian virtual RUNLIGA Malaysia Challenge sebagai satu pasukan besar.

Pada tahun 2023 seramai 136 pelari telah mengambil bahagian dalam acara ini dan bernaung di bawah nama pasukan Srikandi Runners. Kapten yang dilantik untuk tahun 2023 ialah SK01 Dr. Rima Dasril.

Tempoh larian ialah dari 17hb Ogos 2023 hingga 16hb September 2023. Pada setiap tahun acara ini akan tamat pada Hari Malaysia.

Srikandi Runners berjaya mendapat pingat perak dengan merekodkan jumlah jarak larian sejauh 9,504.48km .



srikandidagang

KOPERASI SRIKANDI ALUMNI SEKOLAH TUN FATIMAH BERHAD



HE&SHE COFFEE KOLEJ KEDIAMAN RAJA DR NAZRIN SHAH (KK12) UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR

A hipster coffee cafe with cosy ambiance situated at Kolej Kediaman Ke-12, Universiti Malaya.
Opening hours :
12pm-8pm (Everyday)



HE&SHE COFFEE INFORMATION RESOURCE CENTRE (UTP) UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS TRONOH

Great location in front of the UTP library and a great spot to take a nice study break.
Opening hours :
9am-7pm (Everyday)



KAMI JUAL SUDEE LAH BELI!

Your quick and easy solution for cooking. Kami jual, SUDEElah beli!



NUVEE SKINCARE

This incredible set with Virgin Coconut Oil (VCO) and Kacip Fatimah extracts. No peeling side effects, no SLD, Paraben and chemical free.



NUVEE AROMATHERAPY OIL

De-stress and unwind with the fantastic NuVee Aromatherapy Oil. Comes in two variant, Lemongrass and Lavender; they are the ultimate mood elevating oil for your well being.



RED ISLAND AUSTRALIAN EXTRA VIRGIN OLIVE OIL

Red Island Extra Virgin Olive Oil is 100% original and premium cold pressed EVOO, cholesterol free and a great source of antioxidants, Vitamin E and monounsaturated fats.

MORE INFO

- Visit Our Website
www.skcooptf.com
- Contact Us
012-765 8902 / 012-282 1553
- Email
skcooptf@gmail.com
- skcooptf
- Koperasi Srikandi Alumni STF

ORDER NOW



KOPERASI SRIKANDI ALUMNI STF



JOM BELI KURMA 2024

We sell all kinds of dates: AJWA, MARIAMI, SAFAWI, MABROUM, MEDJOL, SUKKARI and many more...

BECOME OUR MEMBER

Do not hesitate to reach out to us if you are interested in becoming a member

CONTACT & MESSAGE US NOW